

25 FEB 2001

DR MAHATHIR BERI UCAP UTAMA DI FORUM BOAO

Oleh: Yong Soo Heong

BOAO (Hainan), 25 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Mahathir Mohamad diberi penghormatan menyampaikan ucap utama pada pelancaran Boao Forum for Asia (BFA) di sini Selasa ini.

Pihak penganjur berkata forum itu yang mengambil nama sempena kawasan percutian di pulau Selatan China ini, bertujuan mencari inisiatif baru untuk memantapkan kedudukan Asia daripada segi ekonomi.

Selain perdana menteri, pemimpin lain yang akan berucap ialah Presiden China Jiang Zemin dan Raja Birendra dari Nepal.

Yang akan turut hadir ialah bekas perdana menteri Jepun Yasuhiro Nakasone, bekas perdana menteri Australia Bob Hawke, bekas presiden Filipina Fidel Ramos dan bekas presiden Pakistan Farooq Leghari.

Malaysia mempunyai tiga wakil dalam BFA. Mereka terdiri Tan Sri Musa Hitam selaku anggota Majlis Pemimpin yang merupakan kumpulan penasihat, bekas setiausaha agung Asean Tan Sri Ajit Singh yang akan dilantik secara rasmi sebagai setiausaha agung BFA pada Selasa ini dan Datuk Dr Kamal Salih, pengerusi Tenggara Capital Bhd dan bekas pengarah eksekutif Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) yang merupakan wakil Musa dalam BFA.

Dr Mahathir, yang dijadual tiba bersama Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali petang esok, akan turut mengadakan perbincangan dengan Jiang.

-- BERNAMA

SHY RV MAI